

TIDAK MEMOTONG KUKU DAN RAMBUT BAGI MEREKA YANG MELAKSANAKAN IBADAH KORBAN

Ibadah korban adalah amalan menyembelih haiwan tertentu pada Hari Raya Aidiladha sebagai tanda ketaatan dan mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wata'ala*. Terdapat beberapa hal yang disunatkan bagi mereka yang berniat untuk melaksanakan korban antaranya adalah larangan memotong kuku dan rambut bermula dari 1 Zulhijjah sehingga selesai penyembelihan haiwan korban. Larangan ini merangkumi semua jenis bulu dan rambut pada badan seperti rambut di kepala, janggut, misai, bulu ketiak, bulu ari-ari, dan kuku tangan serta kaki. Ia bukan sahaja terhad kepada memotong, termasuk juga segala bentuk penghilangan seperti mencukur, mencabut, membakar, atau menggunakan bahan kimia penghilang bulu.

Larangan memotong kuku dan rambut bagi mereka yang melaksanakan ibadah korban ini adalah berdasarkan hadis daripada Ummu Salamah *Radhiyallahu 'anha* bahawa Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

Barangsiapa yang mempunyai korban untuk disembelih, maka apabila terlihatnya anak bulan Zulhijjah, janganlah dia mengambil satu apa pun (iaitu memotong) daripada rambutnya, mahupun daripada kukunya sehingga dia selesai berkurban.

(Hadis Riwayat Muslim, no.1977)

Oleh itu, orang yang melaksanakan korban disunatkan untuk tidak memotong kuku dan rambut (termasuk bulu) bermula dari 1 Zulhijjah sehingga selesai sembelihan korbannya.

Larangan ini bersifat makruh tanzih iaitu disunatkan untuk ditinggalkan dan bertujuan menyerupai keadaan ihram haji serta sebagai tanda keikhlasan dan kesungguhan dalam ibadah korban.

Melaksanakan perkara-perkara sunat ini ketika ibadah korban bukan sahaja menambah kesempurnaan ibadah, tetapi juga mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wata'ala* dan meningkatkan nilai kemanusiaan serta ukhuwah sesama manusia. Larangan memotong kuku dan rambut sepanjang tempoh korban adalah tanda kesungguhan dan kesucian hati dalam

berkorban. Penggunaan pisau tajam, membaca bismillah, dan pembahagian daging yang adil adalah antara amalan yang disunatkan untuk mengikut sunnah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan memastikan ibadah korban mendapat ganjaran pahala berganda.

Wallahu'alam.

